



KENYATAAN MEDIA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)

**MESYUARAT TERAKHIR JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
PARLIMEN MEMUKTAMADKAN PINDAAN RUU PERLEMBAGAAN
(PINDAAN) (No. 2) 2026 BERKAITAN PENGASINGAN PERANAN
PEGUAM NEGARA DAN PENDAKWA RAYA**

KUALA LUMPUR, 18 Mei 2026 – Saya telah mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas (JKPK) Parlimen mengenai pindaan Perlembagaan berkaitan pengasingan peranan Peguam Negara dan Pendakwa Raya bilangan ke-6 hari ini. Ia juga merupakan mesyuarat terakhir bagi Jawatankuasa ini setelah melalui satu siri perbincangan yang komprehensif sejak mesyuarat pertama pada 16 Mac 2026.

Sepanjang tempoh tersebut, Jawatankuasa telah melaksanakan penelitian yang menyeluruh dan mendalam merangkumi aspek perlembagaan, perundangan, struktur institusi serta implikasi terhadap sistem keadilan jenayah negara. Pendekatan ini dilaksanakan secara inklusif melalui sesi libat urus bersama pelbagai pihak berkepentingan termasuk Jabatan Peguam Negara (AGC), Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM), Majlis Peguam, ahli akademik, badan bukan kerajaan serta organisasi masyarakat sivil.

Dalam mesyuarat terdahulu, Jawatankuasa telah memberi tumpuan kepada penggubalan Rang Undang-Undang berdasarkan syor-syor yang telah dipersetujui. Mesyuarat pada hari ini pula menumpukan kepada pemuktamadan cadangan pindaan kepada Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 2026 dalam kedua-dua versi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, serta Penyata Jawatankuasa yang dijangka akan di bentangkan di Parlimen pada 22 Jun 2026 kelak.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli Jawatankuasa atas komitmen, kerjasama dan pandangan konstruktif yang telah diberikan sepanjang tempoh ini. Penghargaan yang sama turut dizahirkan kepada semua agensi, pakar serta pihak berkepentingan yang telah menyumbang kepakaran dan input bagi memastikan proses ini dilaksanakan secara teliti, berwibawa dan berlandaskan amalan terbaik. Mesyuarat kali ini telah dihadiri oleh Ahli-ahli Jawatankuasa iaitu Yang Berhormat Parit Sulong, Selayang, Bangi, Bukit Gelugor, Tawau, Alor Gajah, Kota Bharu dan Muar, manakala Yang Berhormat Larut, Lubok Antu dan Beluran tidak hadir atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.

Kerajaan MADANI kekal komited untuk memastikan agenda reformasi institusi dan pengukuhan tadbir urus negara dilaksanakan secara bertanggungjawab, inklusif dan berlandaskan prinsip kedaulatan undang-undang serta pengasingan kuasa yang jelas demi memperkukuh keyakinan rakyat terhadap sistem keadilan negara.

AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)
18 Mei 2026

